

UPM hargai usahawan muda dan IKS wanita

UTUSAN MALAYSIA 24/11/2016 p. 25

SEBAGAI tanda penghargaan kepada usahawan pelajar dan usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) wanita, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Putra Malaysia (UPM), telah mengajurkan Majlis Anugerah Program Cabaran Keusahawanan Dagang (Tradec'16) baru-baru ini.

Dalam majlis yang sama, UPM turut meraikan usahawan IKS wanita dengan memberikan anugerah Cabaran Integrasi Keusahawanan Ekonomi Wanita (iKekwa 1.0) bagi membantu melahirkan lebih ramai usahawan IKS wanita.

Tradec'16 adalah program pembangunan usahawan pelajar dalam bidang peruncitan (*trading*) bagi melahirkan usahawan muda.

Program yang mengambil tempoh selama dua bulan itu akan melengkapkan peserta dengan ilmu dan kemahiran melalui proses pembelajaran secara teori serta praktikal (*simulasi*) dalam aspek perniagaan dagang.

Sementara program iKekwa 1.0 pula bertujuan

untuk membantu menambah baik perniagaan usahawan IKS terpilih dalam kalangan wanita dari aspek promosi dan pemasaran, seterusnya menaik taraf ekonomi isi rumah melalui aktiviti keusahawanan mereka.

Salah seorang penerima anugerah Tradec'16, **Shaik Saifullah Jehangir Ali**, 23, berkata, program tersebut telah banyak mempersiap dirinya untuk lebih bersedia menjadi usahawan apabila menamatkan pelajaran nanti.

"Bagi program ini, saya menjalankan perniagaan percetakan

Sebelum ini saya pernah menjadi ejen untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan perniagaan baju.

"Selama mengikuti program ini, pelbagai input dan pengetahuan baharu telah diperoleh, misalnya dapat belajar mengenai sistem akaun dan cara menguruskan perniagaan dengan lebih sistematik," katanya ketika ditemui di Serdang baru-baru ini.

**SHAIK
SAIFULLAH
JEHANGIR ALI**



SHAIK SAIFULLAH JEHANGIR ALI (kiri) dan **Aula Atikah Radzizuan** (kanan) bergambar bersama Dr. Aini Ideris (dua dari kanan), Dr. Ir. Renuganth Varatharajoo (tengah) dan Dr. Hawa Ze Jaafar (dua dari kiri) selepas mereka menerima Usahawan TRADEC16 dan KEKWA1.0, di Serdang baru-baru ini.



**AULA ATIKAH
RADZIZUAN**

Menurut pelajar tahun empat jurusan Bachelor Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, UPM itu, program berkenaan juga telah berjaya membuka potensi dirinya untuk menjadi usahawan berjaya suatu hari nanti.

Sementara itu, seorang lagi penerima anugerah Tradec'16, **Aulia Atikah Radzizuan**, 21, berkata, dia tidak menyangka usahanya selama beberapa bulan itu berjaya

membuahkan hasil lumayan dan diberi pengiktirafan oleh UPM.

"Saya mendapat tawaran untuk menyertai program keusahawanan ini ketika memberikan nama kepada pusat zakat universiti, dan tidak menyangka program ini telah membuka peluang untuk saya menambah pendapatan sampingan."

"Minat mendalam dalam bidang perniagaan ditambah dengan sokongan ahli keluarga serta rakan-rakan, anugerah yang diterima ini akan menjadi

penanda aras untuk lebih maju dalam perniagaan suatu hari nanti," katanya.

Pelajar tahun tiga program Bachelor Matematik, Fakulti Sains, UPM itu berkata, program tersebut telah banyak membuka matanya mengenai selok belok dunia perniagaan khususnya dari segi penjenamaan dan pemasaran.

"Saya menjalankan perniagaan berasaskan pewangi, jadi saya perlu banyak mempromosikan barang saya kepada orang ramai. Dari situ, saya telah berjaya mengatasi rasa malu dan belajar untuk menjadi lebih profesional.

"Selepas ini saya merancang untuk memperluas perniagaan menerusi konsep 'dropship', secara tidak langsung, saya dapat membantu rakan-rakan yang ingin mencari pendapatan tambahan," ujarnya.

Dalam pada itu, Naib Canselor UPM, **Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris** berkata, program julung kali itu bertujuan mengetengahkan beberapa orang pelajar asnaf UPM untuk terlibat dalam bidang keusahawanan khususnya *trading*.

"Ini bertujuan agar pelajar-pelajar dapat membantu meningkatkan pendapatan sendiri

dan keluarga serta berkeyakinan untuk meneruskan perniagaan selepas tamat program.

"Penglibatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan ini telah memberikan impak positif dalam membantu usahawan wanita Mini RTC dalam *Business Turnaround* dari aspek pengurusan, pemasaran dan promosi.

Tambah beliau, peserta telah dimantapkan dengan ilmu dagang dan keusahawanan selama lapan hari sebelum menjalankan perniagaan masing-masing bagi tempoh enam minggu.

"Pada kali ini kami telah membawakan penceramah yang mantap dan mentor yang berjaya.

"Mereka ini juga bergelar jutawan untuk berkongsi ilmu dan pengalaman agar dapat membantu peserta Tradec'16 dan iKekwa 1.0 untuk menceburi jayanya," katanya.

Hadir sama pada majlis itu Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, Prof. Dr. Ir. Renuganth Varatharajoo dan Pengarah Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) UPM, Prof. Madya Dr. Hawa Ze Jaafar.